

Etos pegangan penjawat awam

DR MUHAMMAD ARAFAT NOORDIN

Penjawat awam merupakan tunjang pelaksanaan dasar negara. Bagi menjayakan agenda yang dirancang, penjawat awam perlulah menumpukan segala usaha dan tenaga ke arah memenuhi keperluan serta kehendak stakeholders. Dalam erti kata yang lain, penjawat awam perlu menumpukan taat setia dalam memikul tanggungjawab memastikan kesinambungan pelaksanaan dasar dan kejayaan agenda yang diperkenalkan. Seladranya prinsip kesetiaan ini dicermati, maka apa yang diperjuangkan dalam Gagasan 1 Malaysia, yang berprinsipkan Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan akan gagal, seterusnya menjejaskan usaha membangunkan negara.

Dalam perkhidmatan awam, konteks 'Saya Yang Menurut Perintah' adalah merujuk kepada pematuhan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, Perintah Am dan apa-apa pekeliling

perkhidmatan semasa yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Frasa 'Saya Yang Menurut Perintah' mengikat semua penjawat awam melalui sumpah taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan kerajaan dan ini jelas diterangkan dalam Perintah-Perintah Am Bahagian II (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Perintah tersebut melarang pegawai awam membelakangkan tugas awamnya demi kepentingan diri atau kelakuan yang boleh membawa kepada percanggahan dengan tugas dan tanggungjawab awam yang boleh menjejaskan nama baik perkhidmatan awam.

Malahan, arahan untuk menurut perintah ini mempunyai tujuan yang murni iaitu untuk memelihara kesejahteraan dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan. Arahan menurut perintah ini perlu dilaksanakan dengan bijak dan penuh berintegriti. Dalam sebuah hadis, Nabi Muhammad SAW telah bersabda yang bermaksud: "Mendengar dan mematuhi itu wajib ke atas setiap orang Islam sama ada dalam perkara yang ia suka atau tidak suka, selagi ia tidak di-

surah melakukan maksiat. Apabila disuruh melakukan maksiat, tidak harus didengar dan dipatuhi." (diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Imam Muslim).

Hadis di atas menunjukkan ketegasan dalam kewajipan pengikat untuk menuruti perintah pemimpin selagi mana ia tidak melanggar syariat Islam. Malah, hadis tersebut mengajar manusia berfikir bagi membezakan tindakan yang hak atau batil.

Justeru, tuntutan kesetiaan dan ketaatan kepada pemimpin mahupun ketua, bukanlah secara membuta tuli, tanpa berfikir dan menggunakan akal fikiran yang dikurniakan. Ia sama sekali tidak boleh dijumpukan dengan ungkapan *Yes Boss* dan *The boss is always right* atau pematuhan kepada ketua secara membuta tuli. Sebaliknya, ketaatan perlulah berlandaskan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

Rangkuman ungkapan 'Saya Yang Menurut Perintah' sangat meluas kerana ia bukan sahaja melibatkan pematuhan kepada perintah ketua, pemimpin ataupun kerajaan,

tetapi juga perintah Tuhan. Dalam erti kata lain pematuhan kepada perintah agama. Ini dapat dilihat dalam firman ALLAH SWT dalam Surah Al-Nisa ayat 59, yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, taatilah ALLAH dan taatilah Rasul(Nya) dan ulil amri (pemimpin) antara kamu. Kemudian jika kamu berselisih pendapat mengenai sesuatu, hendaklah kamu kembalikan (hal itu) kepada ALLAH (al-Quran) dan Rasul (sumbahnya) jika kamu benar-benar beriman kepada ALLAH dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih baik (bagi kamu) dan lebih baik akibatnya."

Hari ini dunia menyaksikan peminggiran nilai-nilai sejagat yang tidak lagi dijadikan amalan kehidupan semasa. Pengkhianatan kepada kesetiaan dan integriti semasa ada di mana-mana. Asalkan ada ruang dan peluang, maka nafs jahat akan mula bertandang.

Pada ketika itu, penjawat awam harus bersandar teguh kepada ketulusan hati dan kekuatan iman, agar tidak sekali-kali mencahuli prinsip kesetiaan demi menjaga maruah perkhidmatan awam. Ingatlah

kata peribahasa: Ibarat telur se-sangkak, pecah sebiji, pecah semua dan Kerata nila sedikit, rosak susu sebelanga. Meskipun kesalahan itu dilakukan oleh segefintir kecil, namun akibatnya akan terpalit kepada seluruh perkhidmatan awam.

Dalam tekad membangunkan negara, penjawat awam seharusnya berpegang teguh kepada pelaksanaan sistem *ta'dbir* urus yang berintegriti. Penjawat awam perlu mendukung prinsip dan etika kerja yang dapat membendung diri daripada terjebak dengan gejala yang boleh mencerminkan imej dan kredibiliti perkhidmatan awam.

Sejarah telah banyak mengajar kita akan kepentingan kesetiaan yang merupakan teras penentu kejayaan atau kejatuhan sesebuah negara dan peradaban. Dengan itu, tidak dapat tidak, penjawat awam perlulah memurnikan amanah dan kewajipan dengan penuh taat setia dalam perjuangan membangunkan bangsa dan negara.

** Penulis ialah Perunding Latihan Karum, Institut Tadbiran Awam Negara (Itan)*